

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. :

20 April 2021

Semua Pemegang Lesen MPOB (Kategori Estet Kelapa Sawit)

Tuan,

**SURAT PENGESAHAN PELAKSANAAN PROJEK BANCI MALAYSIA 2020: PEMBANCIAN DI KAWASAN LADANG OLEH PIHAK JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA (DOSM), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan projek Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang meliputi pelaksanaan operasi di kawasan ladang sawit di seluruh Malaysia berlandaskan Akta Banci 1960 dan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989). Pembancian ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak DOSM dengan kerjasama dan sokongan MPOB.

3. Untuk makluman, pelaksanaan operasi pembancian bersemuka oleh pihak DOSM di kawasan ladang sawit akan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) agar penyebaran wabak COVID-19 dapat dibendung dan rantai COVID-19 dapat diputuskan. Dalam hal ini, MPOB ingin memohon agar pihak tuan dapat memberi kerjasama dan bantuan kepada pegawai-pegawai DOSM yang akan menjalankan bancian di lapangan kelak.

4. Kerjasama dan perhatian dari pihak tuan dalam menjayakan projek Banci Malaysia 2020 yang merupakan nadi kepada perancangan pembangunan agenda nasional amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,



**DR. AHMAD PARVEEZ HJ GHULAM KADIR**

Ketua Pengarah